



**TEKS UCAPAN
YBRS. DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN
KETUA PENGARAH
AGENCI NUKLEAR MALAYSIA**

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN NUKLEAR MALAYSIA

BULAN MEI 2022

TARIKH:

26 MEI 2022 (KHAMIS)

DEWAN TUN ISMAIL, BLOK 11

Bismillahirrahmanirahim

Terima kasih saudara pengacara majlis pada pagi ini;
Dr. Shalina Binti Shiek Muhammad daripada ALURTRON,
Bahagian Sokongan Teknikal

YANG BERUSAHA DR. ROSLI BIN DARMAWAN

Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan dan Pembangunan

YANG BERUSAHA DR. MUHAMMAD RAWI BIN MOHAMED ZIN

Pengarah Kanan Program Pengurusan

YANG BERUSAHA DR. ISHAK BIN MANSOR

Pengarah Bahagian Sokongan Teknikal yang juga kini sedang menanggung tugas-tugas Timbalan Ketua Pengarah Program Pengurusan Teknikal dan juga selaku tuan rumah bagi Majlis Perhimpunan pada kali ini

Pengarah-pengarah bahagian, pengurus-pengurus,

Para penyelidik dan warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian,

Assalammualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, kerana atas izin dan limpah kurnianya pada pagi yang penuh keberkatan ini, dapat kita bersama-sama berkumpul secara bersemuka setelah kelonggaran SOP COVID-19 telah dilaksanakan bermula 1 Mei 2022 yang lalu dan sekaligus kita berada dalam fasa endemik. Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Nuklear Malaysia, yang komited

hadir pada pagi ini untuk perhimpunan pagi Bil 1/2022 yang dianjurkan oleh Bahagian Sokongan Teknikal (BST).

Tuan-tuan dan puan-puan warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian.

2. Pertamanya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya, Maaf Zahir dan Batin kepada semua warga Nuklear Malaysia. Walaupun kita telah berada hampir di penghujung bulan Syawal tetapi masih tidak terlewat untuk kita sama-sama meraikan kemenangan setelah berpuasa sebulan di bulan Ramadan dan menikmati Jamuan Raya yang akan kita raikan sebentar lagi.
3. Saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada pegawai-pegawai baharu atau yang dipindahkan ke Agensi Nuklear Malaysia. Kami di Nuklear Malaysia mengalu-alukan kedatangan Dr/tuan/puan. Saya berharap Dr/tuan/puan dapat memberi sumbangan terbaik, demi kecemerlangan agensi yang kita kasihi ini.
4. Untuk makluman semua, pada 24 Mac 2022 yang lepas, telah diadakan Majlis Apresiasi MOSTI di Hotel Marriot, Putrajaya. Tahniah diucapkan kepada semua warga Nuklear Malaysia yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2021 serta para pesara dan bakal pesara yang telah diraikan sama pada majlis tersebut. Semoga pengiktirafan yang diberikan menjadi pemangkin kepada Dr/tuan/puan untuk memberi prestasi perkhidmatan terbaik dan

lebih cemerlang lagi. Kepada pesara dan bakal pesara, jasa baik dan sumbangan Dr/tuan/puan amatlah dihargai.

5. Baru-baru ini juga telah diadakan majlis bagi meraikan warga Nuklear Malaysia yang dinaikkan pangkat dari pelbagai peringkat dan skim perjawatan. Ini bukan sahaja satu pencapaian yang membanggakan dalam perjalanan kerjaya pegawai yang terlibat, bahkan merupakan satu amanah rakyat kepada penjawat awam yang berkenaan. Apabila pangkat semakin tinggi, maka tanggungjawab juga semakin besar. Makanya, saya mengharapkan agar perkhidmatan dan kualiti kerja juga harus seiring dengan jawatan yang disandang.
6. Ini merupakan perhimpunan pagi pertama saya sebagai KP Nuklear Malaysia setelah dilantik pada 11 April 2022. Saya akan ambil peluang pada perhimpunan pagi ini untuk menyampaikan amanat KP yang ke 9/10.
7. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan merakam penghargaan saya kepada kesemua mantan KP sebelum ini yang telah meletakkan Nuklear Malaysia dilandasan yang betul dan telah dikenali ramai di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Apa yang kita lihat sekarang adalah usaha yang telah dilaksanakan oleh orang tedahulu daripada kita. Kita sangat beruntung kerana mengecapi pelbagai kejayaan dalam pelbagai bidang penyelidikan hasil usaha dan penat lelah mereka yang terdahulu yang sebahagiannya telah meninggalkan kita dan ada yang masih hidup.

8. Tempuh pentadbiran di bawah KP ke 9 hanya setahun sahaja. Dalam tempuh yang singkat mungkin tidak ada program baru yang boleh saya ujudkan. Kita akan melaksanakan apa yang telah kita rancang bersama melalui wawasan atau pelan strategik selama 10 tahun sehingga 2030. Kita juga sedang merangka Dasar Teknologi Nuklear Nasional DTNN yang akan dibentang Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara (JPPN), UPE JPM.
9. Saya ingin menyeru kepada semua kakitangan Nuklear Malaysia supaya bekerja bersama saya sebagai satu pasukan supaya apa yang kita rancang dapat dilaksanakan dengan baik dan mencapai hasrat dan matlamat yang ditetapkan sebagaimana yang diharapkan oleh pihak MOSTI, supaya hasil kajian yang dijana melalui penyelidikan yang kita laksanakan dapat dimanfaatkan oleh rakyat dan negara.
10. Pihak Pengurusan Kementerian telah mula melihat Nuklear lebih positif sejak produk penyelidikan dan inovasi Nuklear Malaysia telah dapat dikomersial dan boleh digunakan oleh rakyat. Saya berharap setiap program perlu bekerjasama supaya agenda merakyatkan teknologi dan menginsankan Sains (tag line) MOSTI dapat diterjemahkan melalui projek penyelidikan berimpak tinggi dan boleh menaikkan nama dan visibiliti Nuklear Malaysia dikalangan pemimpin dan rakyat di negara ini.
11. Saya tidak mahu lihat lagi projek penyelidikan yang dibuat secara silo (syok sendiri). Setiap projek perlu didaftarkan dan dapat pengesahan JK Penyelidikan. Setiap projek perlu mengambil kira dasar sedia ada seperti DSTIN, MySTIE, DAN, DBN dan roadmap. Gunakan platform

kerjasama antara Nuklear Malaysia dan Agensi Penyelidikan (Mou atau Nota kerjasama) atau Kerjasama Strategik antara Kementerian. Pihak pengurusan akan akan sentiasa mengadakan kunjungan hormat kepada ketua Jabatan atau Ketua Kerajaan Negeri untuk promosi teknologi yang telah kita bangukan.

12. Pengurusan Nuklear Malaysia, tidak mahu dengar lagi keluhan tidak ada duit atau peralatan untuk jalankan penyelidikan. Buat masa sekarang kita mempunyai 7 projek RMK12 yang mempunyai dana lebih 30 juta untuk dibelanjakan dalam tempuh lima tahun. Kita mempunyai lebih 10 juta dana SRF yang dapat kelulusan dana MOSTI. Jika tidak dana boleh mohon untuk terlibat secara langsung dalam projek besar Nuklear Malaysia.
13. Saya ingin lihat dan saya telah kenalpasti projek yang boleh dijadikan game changer di Nuklear Malaysia. Diantaranya projek Nadir Bumi (telah byk syarikat besar dan kerajaan negeri yang telah ingin mendapatkan kepakaran daripada Nuklear Malaysia. Keduanya Radioisotop dalam perubatan. FS Cyclotron telah mendapat lampu hijau daripada pihak Mosti. Menteri juga sangat berminat dengan projek perubatan di Nuklear Malaysia. Projek Biokomposit sekarang telah masuk ke tahap pengkormersilan dan telah dapat fasilitasi melalui NTIS yang membantu mendapatkan pensijilan daripada pihak autoriti. Saya nak RMC dan BKT memainkan peranan penting untuk membantu produk TRL di setiap bahagian.

14. Kita kena ada jiwa yang besar. Sentiasa berfikiran positif, memandang baik kepada semua orang. Jauh kan sifat hasad dan sentiasa bergotong royong antara kita. Perlu mempunyai nilai sepunya. Kejayaan setiap kakitangan di Nuklear Malaysia ini adalah kejayaan kita bersama. Jangan terlalu inginkan imbuhan setiap apa sumbangan yang kita beri kepada agensi. Bekerja dengan ikhlas hati akan lebih tenang.

PENUMPUAN KEPADA “EMERGING TECHNOLOGY”

15. Walau negara kita telah melalui fasa pandemik dan kini beralih ke endemik, teknologi tetap terus berkembang pesat. Salah satunya adalah “*Emerging Nuclear and Related Technology*” merupakan pendekatan relevan yang boleh diberikan tumpuan. Ini adalah kerana, Nuklear Malaysia mempunyai fasiliti-fasiliti seperti penyinaran neutron, elektron dan gamma seperti di RTP, ALURTRON, SINAGAMA, RAYMINTEX dan terbaru *Low Energy Electron Accelerator (LEEA)* yang sedang dibangunkan di ADC. Pegawai penyelidik Nuklear Malaysia disarankan mengambil peluang yang luas tersedia untuk memaksimumkan penggunaan fasiliti-fasiliti penyinaran ini dan menghasilkan kajian-kajian berimpak tinggi terutamanya dalam bidang teknologi sinaran dengan bahan, keselamatan makanan, pengimejan, “*radiation and metal effect*”, pensterilan dan teknologi “*nano structure and nano-mechanical*”. *Fuel cell, hydrogen storage, thorium, rare earth* dan penyelidikan melibatkan 4IR termasuk *Artificial Intelligence (AI)* dan *Machine Learning, Robotic Process Automation, Edge Computing,*

Virtual and Augmented Reality, Internet of Things (IoT) dan sebagainya juga boleh diterokai.

16. Selain itu, aktiviti-aktiviti di *beamports* reaktor RTP misalnya, boleh dipertingkatkan lagi dengan penglibatan pegawai-pegawai penyelidik Nuklear Malaysia kerana jika bukan kita, siapa lagi yang boleh meneroka dan menyebarkan penggunaan satu-satunya reaktor penyelidikan di Malaysia ini.

DANA PENYELIDIKAN

17. Terdapat pelbagai dana yang ditawarkan pihak MOSTI dan pihak-pihak lain yang boleh dimanfaatkan pegawai-pegawai penyelidik Nuklear Malaysia. Pastikan semua pegawai penyelidik sentiasa cakna kepada tawaran-tawaran dana yang diwar-warkan oleh pihak RMC dari semasa ke semasa. Selain itu, Nuklear Malaysia perlu segera menyesuaikan diri dalam pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta inovasi agar kualiti hasil-hasil penyelidikan selama ini dapat ditambahbaik dan dipertingkatkan hingga ke peringkat pengkomersilan di pasaran atau pengguna sebenar.

REAKTOR TRIGA PUSPATI MENJANGKAU USIA 40 TAHUN

18. Reaktor TRIGA PUSPATI (RTP) yang merupakan nadi kepada kewujudan Nuklear Malaysia telah mencapai kegentingan pertamanya pada 28 Jun 1982. Maka pada 28 Jun 2022 ini, RTP telah menjangkau usia 40 tahun. Seajar dengan itu, Pusat Teknologi Reaktor akan menganjurkan Simposium Reaktor TRIGA PUSPATI pada 28 dan 29 Jun 2022 bersempena sambutan 40 tahun RTP. Simposium ini julung kali diadakan dan istimewanya edisi kali ini adalah panel-panel

jemputan terdiri daripada mantan pengurusan tertinggi dan para pegawai yang pernah berkhidmat di Nuklear Malaysia dan berpengalaman luas dalam bidang Nuklear khususnya dari aspek *safety, security and safeguard* serta *future energy*. Semoga simposium ini dapat berjalan dengan lancar dan memberikan manfaat yang maksimum kepada kita semua.

19. Untuk makluman, pada 29 hingga 30 Mac 2022 dan 1 April 2022 yang lepas, Pusat Teknologi Reaktor (PTR) telah menganjurkan Bengkel Pengumpulan Data Kajian Teknikal Pelan Penggantian RTP siri 1 di DTI, Blok 11. Bengkel ini telah dihadiri oleh wakil-wakil pemegang taruh dalaman yang terlibat secara langsung dengan RTP meliputi tujuh kategori iaitu PTR, *utilization*, perubatan, industri, *waste/siting*, *legal/safety* dan sokongan teknikal.
20. Bengkel ini merupakan antara aktiviti pelaksanaan projek **RMK12** (2022 - 2024) Kajian Teknikal Pelan Penggantian Reaktor TRIGA PUSPATI dalam usaha merangka pelan penggantian reaktor penyelidikan baru, pengurusan penuaan (*ageing management*) RTP, peningkatan aktiviti aplikasi RTP serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan reaktor nuklear generasi baru. Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat dan memberi kerjasama. Saya berharap semoga perancangan ini dapat dirangka dengan baik dan teliti demi kesinambungan teknologi reaktor nuklear di Malaysia pada masa akan datang.

PEMBUDAYAAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (STI)

21. MOSTI telah melancarkan Minggu Sains Negara (MSN) yang dijenamakan semula sebagai Minggu Sains Negara Keluarga Malaysia (MSNKM) 2022, bertemakan “Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi” bermula 1 April hingga Oktober 2022. Langkah ini merupakan usaha kerajaan memupuk kesedaran dan meningkatkan minat Keluarga Malaysia khususnya golongan pelajar serta belia mengenai kepentingan sains, teknologi dan inovasi (STI) dalam kehidupan seharian.
22. Bagi pelaksanaan MSNKM 2022, terdapat tujuh (7) bidang fokus dipilih berdasarkan kesesuaian setelah mengambil kira sambutan hari-hari berkepentingan berkaitan STI. Nuklear Malaysia terlibat dalam slot Kegunaan Aman Nuklear yang dijadualkan pada bulan Jun. Simposium RTP yang akan dilaksanakan bagi sambutan 40 tahun RTP telah disenaraikan sebagai salah satu aktiviti yang akan menjadi pengisian dalam slot berkenaan. Selain itu beberapa pengisian program turut dianjurkan seperti *pocket talk*, forum, bengkel, pertandingan melukis poster dan menulis esei serta lain-lain aktiviti yang turut melibatkan kerjasama Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA).
23. Oleh itu, kita sebagai warga penyelidik khususnya dan warga Nuklear Malaysia amnya diharap dapat memberi sokongan dan kerjasama dengan menghadiri program-program yang telah direncanakan pihak penganjur dan urusetia terutamanya bagi Simposium RTP itu nanti. Inilah masa yang sesuai untuk kita mempromosikan tentang kegunaan aman nuklear dan mempertingkatkan keyakinan masyarakat terhadap

kepentingan sains dan teknologi nuklear dalam memenuhi matlamat DSTIN. Keseluruhan program boleh diikuti melalui link <https://www.minggusainsnegara.com>.

PENUTUP

24. Mengakhiri ucapan ini, saya ingin menyeru supaya kita sama-sama meneruskan usaha untuk mencapai kecemerlangan, bekerja dengan penuh dedikasi sebagai satu pasukan yang mantap serta meningkatkan prestasi demi masa depan organisasi serta negara yang lebih gemilang. Saya amat yakin kita boleh menjayakan segala aktiviti untuk kesejahteraan semua.

25. Terima kasih diucapkan kepada penganjur majlis pada hari ini iaitu BST dengan kerjasama BKP, UKK dan warga kerja Nuklear Malaysia yang terlibat di atas komitmen yang telah diberikan.

**Sekian, Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarokatuh. Terima kasih.**